

Akta Pertahanan Awam dipinda tarik anggota

SHAH ALAM: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sedang menimbang meminda Akta Pertahanan Awam 1951 bagi memperkukuh dan meningkatkan keupayaan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3).

Timbalan Menterinya, Datuk Fu Ah Kiow, berkata akta itu yang belum pernah dipinda sejak 1951 itu perlu dikaji semula bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa selaras usaha memenuhi piawaian Pertubuhan Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO).

Katanya, badan itu menetapkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah penduduk terbabit dalam organisasi pertahanan awam di

BH - 09/07/2007
sesebuah negara secara aktif.

"Kita sedang mempertimbangkan untuk meminda Akta Pertahanan Awam bagi menarik pembabitan lebih ramai ahli. Antaranya kita perlu memasukkan penguatkuasaan undang-undang menetapkan tempat kerja yang ada 200 pekerja perlu menubuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT).

"Bagaimanapun, usaha ini (pindaan) masih pada peringkat kementerian dan JPA3," katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Sambutan Hari Pertahanan Awam ke-55 peringkat Zon Tengah, di Dataran Shah Alam, di sini, semalam.

Fu berkata, Kerajaan Pusat bersetuju memperluaskan perkhidmatan JPA3 ke seluruh negeri menerusi penambahan anggota dan penubuhan pejabat di daerah.

Beliau yakin menerusi perluasan dasar dan pembabitan segenap lapisan masyarakat, matlamat JPA3 dapat dicapai.

Sehubungan itu, beliau meminta majikan sentiasa memberi kerjasama untuk melepaskan pekerja mereka mengikuti latihan dan kegiatan JPA3 ketika diperlukan.



IKTIRAF PERKHIDMATAN: (Dari kiri) Prebet Md Hatta Mohd Yusoff, Sarjan Nasharuddin Mohd Ariffin, Leftenan Mahadi Marjiko dan Lans Koperal Ahzamar Nasrun menunjukkan pingat diterima sempena Sambutan Hari Pertahanan Awam ke-55 peringkat Zon Tengah, di Dataran Shah Alam, semalam.

FAKTA NOMBOR

JPA3

1,100

Anggota sepenuh masa

9,200

Kadet dari 206 sekolah